

Mereka anggap peranannya terbatas jaga kesihatan mental

Dr. Mahathir bidas segolongan doktor UM 6 AUG 1985 kanak-kanak

KUALA LUMPUR 5 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mem-bidas sikap segolongan doktor kanak-kanak (paediatricians) yang menganggap peranan mereka terbatas kepada hanya menjaga kesihatan mental dan fizikal pesakit masing-masing.

Tegas beliau, golongan ini berpuas hati dengan anggapan begitu sehingga lupa bahawa tanggungjawab mereka yang sebenar ialah untuk membentuk peribadi dan semangat pesakit kanak-kanak yang mereka rawat supaya lahir sebuah masyarakat yang bermaruah dan bertamadun.

Perdana Menteri berkata, doktor kanak-kanak mempunyai peranan penting untuk membentuk sikap kanak-kanak tersebut supaya me-

reka dapat memahami tanggungjawab dalam mendirikan sebuah negara yang berdaulat dan berbakti kepada masyarakat.

Berucap merasmikan Kongres Doktor Kanak-Kanak Asia yang kelima di sini petang ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berharap supaya sikap segolongan doktor kanak-kanak ini dapat diubah supaya mereka lebih menyedari bahawa peranan mereka bukan hanya terbatas kepada merawat pesakit tetapi membentuk peribadi yang berhemah tinggi.

Menurut Perdana Menteri, keruntuhan moral di kalangan generasi sekarang kebanyakannya berpunca dari kurangnya tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak masing-masing supaya menjadi sebahagian daripada masyarakat yang berguna.

Kanak-kanak, ujar beliau, tidak lagi dibesarkan dengan cara pendidikan yang membolehkan mereka berhadapan dengan masalah-masalah sosial dan mereka kehilangan kasih sayang sejati dari ibu bapa.

"Apabila ini terjadi, setelah kanak-kanak itu besar dan terpaksa berhadapan dengan beberapa masalah, maka mereka bertindak mengikut perasaan sendiri dan akan berlakulah gejala keruntuhan moral di kalangan masyarakat," katanya.

Beliau memberitahu, pembentukan peribadi kanak-kanak sangat penting kerana nilai-nilai yang mereka perolehi sejak kecil akan terus berkekalan sehingga mereka dewasa dan sekiranya nilai-nilai yang mereka amalkan adalah po-

sitif, maka negara akan menikmati keuntungan darinya.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengkritik sikap ibu bapa yang cuai dengan tanggungjawab mendidik anak-anak mereka dan menurutnya, ibu bapa zaman sekarang berada dalam keadaan yang membingungkan dalam usaha mendisiplinkan anak masing-masing.

Kata Perdana Menteri, terdapat ibu bapa yang beranggapan bahawa anak-anak tidak perlu dihukum apabila melakukan kesalahan kerana mereka masih kecil dan tidak tahu membezakan sama ada perbuatan mereka benar atau sebaliknya.

"Apabila ini berlaku, tidak hairanlah sekiranya kita dapati di kalangan keluarga-keluarga mewah, anak-anak mereka ada yang

menghisap dadah, melakukan jenayah-jenayah besar dan hidup bebas tanpa mengira tatasusila yang perlu diamalkan oleh masyarakat timur," katanya.

Tegas beliau, kanak-kanak perlu dihukum dengan sewajarnya sesuai dengan kesalahan yang mereka lakukan supaya apabila mereka besar kelak mereka akan menerima hakikat bahawa setiap kesalahan itu perlu menerima hukuman yang setimpal.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia mempunyai matlamat untuk menampung sejumlah 70 juta penduduk menjelang tahun 2100 dan dengan jumlah tersebut ibu bapa perlu menyedari peranan mereka supaya dapat melahirkan sebuah masyarakat yang bermaruah.